

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RDB 314 – Pengurusan Rekabentuk

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Huraikan dan berikan contoh bagi setiap konsep berikut:

- (a) Proses Rekabentuk (5 markah)
- (b) Pengurusan Rekabentuk (5 markah)
- (c) Pembangunan Helical (5 markah)
- (d) Kaedah Kumpulan Kreatif (5 markah)

(20 MARKAH)

2. (a) Apakah seorang akauntan tidak berdaya kreatif bila beliau telah mencipta satu sistem “double entry” berbanding dengan seorang pelukis bertaraf dunia? Berikan definisi individu kreatif dan bincangkan ungkapan di atas.

(10 markah)

(b) Berikan 5 skil (kemahiran) yang perlu ada pada seorang pengurus yang kreatif. Huraikan kelima-lima skil tersebut.

(10 markah)

(20 MARKAH)

...2/-

3. (a) Huraikan 'memaksimumkan "Expected Benefit"' (Memaksimumkan Faedah Yang Dijangkakan), dalam strategi ujian pasaran. Lakaran graf akan memudahkan anda menjawab soalan.

(10 markah)

- (b) Anda adalah seorang ketua dalam kumpulan pemasaran sebuah syarikat pengeluar produk domestik yang menggunakan tenaga elektrik. Syarikat anda sedang dalam proses pembangunan produk baru iaitu memodifikasikan pengisar makanan domestik (food blender). Anda ditugaskan untuk mengetuai promosi produk tersebut ke pasaran Malaysia dan Asia Tenggara. Berikan pertimbangan profesional anda sama ada produk syarikat anda perlu atau tidak mengadakan ujian pasaran.

(10 markah)

(20 MARKAH)

4. (a) Berikan definisi "Kegagalan Produk".

(5 markah)

- (b) Kegagalan produk tidak semestinya berlaku pada peringkat permulaan dalam proses pembangunan produk. Ia boleh berlaku dalam peringkat akhir pembangunan produk. Huraikan kenyataan-kenyataan tersebut.

(10 markah)

- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan "kegagalan teknikal" sesuatu produk.

(5 markah)

(20 MARKAH)

5. Lakarkan graf Kitar-Hayat-Produk serta huraikan setiap peringkat dengan terperinci.

(20 MARKAH)

oooOOooo